



## **KENYATAAN MEDIA JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA**

---

### **“PEMAKLUMAN PELANJUTAN TEMPOH PERKHIDMATAN KAUNTER JPJ PADA 22 JANUARI 2025”**

**PUTRAJAYA, 22 JANUARI 2025 –** Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia ingin memaklumkan Sistem MySIKAP JPJ telah mengalami gangguan yang mengakibatkan semua urus niaga perkhidmatan kaunter JPJ tergendala di seluruh Malaysia.

Sehubungan itu, semua perkhidmatan kaunter JPJ di semua negeri pada 22 Januari 2025 akan dilanjutkan sehingga 7.00 petang. Pihak JPJ telah melaksanakan tindakan serta-merta dan penambahbaikan sistem kembali pulih dalam kadar segera.

JPJ Malaysia memohon maaf atas perkara tersebut dan segala kesulitan amat dikesali.

**KETUA PENGARAH PENGANGKUTAN JALAN  
MALAYSIA  
22 JANUARI 2025**

**[ TAMAT ]**